

05/08/2005

Mahathir-TV

KAJI SEMULA PROGRAM REALITI TV, NASIHAT DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Kerajaan perlu mengkaji semula program televisyen yang disiarkan oleh stesen TV termasuk rancangan realiti, yang meminjam budaya Barat dengan meluas yang dibimbangi akan mengancam nilai ketimuran rakyat Malaysia.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kajian semula itu bagi memastikan sama ada rancangan realiti yang kini menjadi fenomena bagi setiap isi rumah di Malaysia meninggalkan pengaruh yang baik atau buruk kepada masyarakat, sehingga membawa kepada keruntuhan moral.

"Kita perlu mengkaji semula rancangan realiti ini. Saya rasa kita harus menelitinya semula, untuk melihat sama ada ia baik atau buruk tetapi kita tidak boleh sekadar meniru orang," katanya kepada pemberita semasa diminta reaksi segeranya mengenai rancangan realiti TV yang dibangkitkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Selasa lepas.

Najib menggesa stesen TV supaya tidak meniru bulat-bulat budaya Barat dan terdorong oleh pertimbangan komersial serta pasaran sehinggakan mereka mengabaikan isu etika dan moral, sebaliknya mengambil kira objektif pembinaan negara.

Sesetengah pihak, termasuk kalangan akademik, menyuarakan kebimbangan mereka berkaitan isu itu dan mahu kerajaan mengkaji semula semua program TV seperti rancangan realiti TV, drama bersiri malah iklan komersial yang dipinjam atau diterimapakai daripada negara Barat.

Sebuah jawatan yang dipengerusikan oleh Najib ditubuhkan baru-baru ini bagi meneliti isu berkenaan.

Terdahulu, Dr Mahathir menyampaikan syarahan umum bertajuk "Bergerak ke arah masyarakat progresif" yang dihadiri para pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dalam syarahannya itu, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak lagi boleh mencontohi negara Eropah dan Barat untuk maju, memandangkan mereka kelihatannya 'telah kehilangan nilai murni' dan mengalami keruntuhan moral.

"Amat jelas modul Eropah dan Barat tidak lagi sesuai bagi kita untuk menjadi progresif," katanya.

-- BERNAMA

SYZ SYZ ROS